

SULIT



PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2021

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2021
PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 2
NOVEMBER 2021

2 ½ jam

3756/2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: *Bahagian A dan Bahagian B.*
2. Jawab semua soalan di *Bahagian A* dan dua soalan daripada *Bahagian B*.
3. Tulis jawapan anda pada kertas Lejar, Jurnal, Buku Tunai dan helaian tambahan yang dibekalkan.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.
6. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baru.
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
8. Anda diingatkan untuk menulis nama di setiap kertas Lejar, Jurnal dan helaian tambahan yang digunakan untuk menulis jawapan.

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

[Lihat Halaman Sebelah
TERHAD

3756/2 © 2021 Hak Cipta BPSBP

Bahagian A**[60 markah]****Jawab semua soalan.**

- 1 (a) Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Maju Jaya.

Seorang kerani akaun mengambil kira gaji yang masih belum dibayar sebanyak RM1 200 untuk menentukan untung atau rugi sebenar bagi suatu tempoh kewangan.

Apakah andaian atau prinsip perakaunan yang diamalkan?

[2 markah]

- (b) Nyatakan akaun berkaitan dengan catatan kontra berikut.

Ambilan	
Peruntukan Hutang Ragu	

[2 markah]

- (c) "Pada 30 April 2021, Perniagaan Alisa menerima komisen sebanyak RM300. Wang tunai itu telah dibankkan."

Nyatakan akaun yang didebitkan dan dikreditkan dalam urus niaga tersebut.

[2 markah]

- (d) Berikut merupakan maklumat daripada Kelab Futsal Aktif.

	1 Julai 2020	30 Jun 2021
Yuran Belum Terima	RM 280	RM 200
Yuran Belum Terperoleh	440	-

Kutipan yuran sepanjang tahun kewangan berakhir 30 Jun 2021 adalah sebanyak RM5 500.

Hitungkan yuran ahli yang dipindahkan ke Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.

[2 markah]

- (e) Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Malik pada 1 Januari 2021.

Akaun Kenderaan

2021	RM
Jan. 1 Baki b/b	25 000

Akaun Susut Nilai Terkumpul Kenderaan

2021	RM
Jan. 1 Baki b/b	15 000

Pada 15 Januari 2021, Malik telah melupuskan sebuah kenderaan pada harga RM7 500. Wang yang diterima telah dibankkan.

Hitungkan untung atau rugi pelupusan.

[2 markah]

- 2 Siti memulakan perniagaan Nasi Arab Enak di Ijok, Kuala Selangor pada 1 April 2020. Sepanjang tahun berkenaan, beliau menyimpan rekod perniagaannya tidak mengikut sistem catatan bergu.

Maklumat yang diperoleh berkenaan rekod perakaunannya adalah seperti berikut:

	1 April 2020	31 Mac 2021
	RM	RM
Lengkapan	6 410	5 309
Kenderaan terpakai (kos)	17 580	17 580
Akaun Belum Terima	-	5 760
Akaun Belum Bayar	-	4 800
Inventori barang niaga	-	9 350
Insurans prabayar	-	120
Tunai	Perlu dikira	655
Bank	Perlu dikira	16 195

Maklumat tambahan:

- Siti telah mengeluarkan wang simpanannya pada 1 April 2020 berjumlah RM8 200 sebagai modal perniagaannya. 20% daripadanya telah diberikan kepada kerani untuk memudahkan kegunaan harian. Selebihnya dimasukkan ke dalam Akaun Semasa perniagaannya.
- Rak miliknya bernilai RM811 telah dibawa masuk ke dalam perniagaan pada 31 Mac 2021. Perkara ini belum direkod dalam mana-mana buku.
- Seorang pengutang yang masih berhutang sebanyak RM560 telah diisyiharkan muflis pada bulan Oktober 2020. Hutang ini telah dihapuskan sebagai hutang lapuk pada akhir tahun kewangan.
- Peruntukan hutang ragu dianggarkan 3% atas Akaun Belum Terima bersih.
- Kenderaan hendaklah disusutnilaikan dengan kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- Utiliti belum bayar pada akhir tempoh perakaunan sebanyak RM495.
- Pemilik mengambil tunai RM30 dan barang niaga RM50 setiap bulan untuk kegunaan anaknya.

(a) Anda dikehendaki menyediakan:

(i) Akaun Modal pada 1 April 2020 [4 markah]

(ii) Penyata Mengira Modal pada 31 Mac 2021 [12 markah]

(iii) Penyata Mengira Untung atau Rugi bagi tahun berakhir
31 Mac 2021 [5 markah]

(b) Berdasarkan jawapan (a), hitung:

(i) Pulangan atas modal [2 markah]

(ii) Nisbah semasa [2 markah]

- 3 Berikut ialah maklumat yang diperoleh daripada buku perniagaan Intan Payung Trading yang beroperasi di Kawasan Perindustrian Gebeng.

Intan Payung Trading

Imbalan Duga Pada 31 Mei 2021

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Jun 2020		422 750
Premis	100 000	
Ambilan	2 500	
Pinjaman bank 5%		100 000
Faedah pinjaman	1 000	
Tunai	9 800	
Bank	180 750	
Inventori 1 Jun 2020	43 500	
Belian	158 350	
Jualan		259 200
Akaun Belum Terima	35 000	
Akaun Belum Bayar		14 700
Pulangan	2 590	
Lengkapan	205 000	
Susut nilai terkumpul lengkapan		20 000
Duti atas belian	6 560	
Peruntukan hutang ragu		1 200
Diskaun		4 280
Promosi	7 080	
Sewa	24 000	
Gaji	30 000	
Insurans	16 000	
	<u>822 130</u>	<u>822 130</u>

Maklumat tambahan pada 31 Mei 2021:

- i. Inventori akhir dinilaikan sebanyak RM54 400 pada harga pasaran dan RM52 200 pada harga belian.
- ii. Perniagaan mengambil barang niaga untuk diberikan secara percuma kepada bakal pelanggan dalam kempen yang dijalankan di sebuah pasaraya berjumlah RM1 000. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- iii. Insurans adalah untuk setahun berakhir 31 Ogos 2021.
- iv. Pihak pembekal telah memberi komisen kepada perniagaan atas jualan barang yang melepas sasaran sebanyak RM1 500.
- v. Lengkapan kedai dijangka akan berbaki RM5 000 pada akhir tahun ke-10. Susut nilai ditetapkan mengikut kaedah ansuran tetap.
- vi. Peruntukan hutang ragu diselaraskan 3% atas Akaun Belum Terima.
- vii. Pinjaman bank telah dibuat pada 1 Disember 2020 untuk tempoh 10 tahun dan akan mula dijelaskan pada Jun 2021. Walau bagaimanapun, faedah pinjaman perlu dijelaskan sebaik sahaja pinjaman diperoleh.
- viii. Perniagaan menyewa premis RM2 000 sebulan bermula pada 1 Ogos 2020. Bayaran sewa adalah termasuk deposit sewa dua bulan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Peruntukan hutang ragu [2 markah]
- (b) Akaun Faedah pinjaman [2 markah]
- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2021 [11 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2021 [10 markah]

Bahagian B**[40 markah]***Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- 4 Baki-baki berikut diambil daripada rekod perakaunan Kedai Pakaian Sukan Sulaimi yang beroperasi di Kuala Terengganu pada 1 Julai 2021:

	RM
Bank	11 500
Tunai	2 700
Kenderaan	55 000
Perabot	12 700
Inventori	9 350
Akaun Belum Terima: Suria Activeware	4 320
Akaun Belum Bayar: Syarikat Nasir Sdn. Bhd.	7 460

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Julai 2021.

Julai

- 1 Membeli barang niaga dengan cek RM850.
- 2 Menjelaskan hutang dengan cek RM7 087 kepada Syarikat Nasir Sdn. Bhd. dan terima diskaun RM373.
- 5 Jualan tunai barang niaga RM1 500 kepada Daora Fitness Centre dan wang dibankkan.
- 7 Mengambil 20 helai jersi bola sepak berharga RM35 sehelai, untuk disumbangkan kepada Kelab Bola Sepak SK Sungai Derhana.
- 10 Jualan barang niaga secara kredit kepada Kelab Futsal Semmi RM5 600.
- 13 Menerima cek RM4 100 daripada Suria Activeware dan beri diskaun RM220.
- 17 Membeli barang niaga secara kredit RM5 400 daripada Kamal Attire.
- 19 Membeli komputer dan mesin pencetak RM4 200 secara kredit daripada Amer Teknologi.
- 20 Memulangkan barang niaga yang dibeli pada 17 Julai 2021 kerana salah jenama RM330.
- 24 Menerima invois belian barang niaga daripada Syarikat Nasir Sdn. Bhd. pada harga senarai RM8 500, 5% diskaun niaga dibenarkan. Syarat diskaun tunai 5% 5 hari, 2% 10 hari.
- 25 Membayar gaji pekerja dengan cek RM1 200.
- 28 Terima komisen dengan tunai RM250.

Anda dikehendaki:

(a) menyediakan:

- | | | |
|-------|-------------------------------------|------------|
| (i) | Jurnal Am (keterangan am diabaikan) | [5 markah] |
| (ii) | Jurnal Belian | [3 markah] |
| (iii) | Jurnal Jualan | [2 markah] |
| (iv) | Jurnal Pulangan Belian | [2 markah] |
| (v) | Buku Tunai | [7 markah] |

- (b) Sekiranya urus niaga pada 24 Julai 2021 dijelaskan pada 2 Ogos 2021, hitungkan diskain tunai yang diterima oleh Kedai Pakaian Sukan Sulaimi. (jawapan dalam dua tempat perpuluhan)

[1 markah]

- 5 (a) Ammar Berhad telah ditubuhkan pada 1 September 2017 dengan menerbitkan syer yang terdiri daripada 400 000 unit, 6% syer keutamaan bernilai RM2.50 sesyer dan 650 000 unit syer biasa bernilai RM 1.50 sesyer.

Semua syer yang diterbitkan telah dipohon beli dan berbayar penuh pada tarikh modal diterbitkan.

Pada setiap akhir tahun kewangan, syarikat telah mengisyiharkan untung yang akan diagihkan kepada pemegang syer seperti berikut:

Tahun	Keuntungan Diagihkan (RM)
2018	86 800
2019	54 700
2020	98 500

Anda dikehendaki:

- (i) menghitung modal diterbitkan dan berbayar penuh [2 markah]
- (ii) menghitung dividen 6% syer keutamaan dan syer biasa bagi tahun 2018 hingga 2020 [6 markah]
- (iii) menunjukkan bahagian ekuiti pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2020 [2 markah]

5 (b) Maklumat berikut diperoleh daripada rekod perakaunan Perniagaan Khairy.

Baki pada 1 September 2021:	RM
Akaun Belum Terima	9 800
Akaun Belum Bayar	7 230
 Urus niaga yang berlaku sepanjang bulan September 2021:	
	RM
Belian tunai	1 750
Jualan tunai	1 120
Mengeluarkan cek kepada pembekal	12 500
Menerima cek daripada pelanggan (termasuk hutang lapuk terpulih RM320)	8 960
Diskaun diberi kepada pelanggan	360
Pindahan baki dari Lejar Jualan ke Lejar Belian	920
Cek pelanggan tak laku (diskaun diberi RM150 dibatalkan)	1 500

Maklumat tambahan:

- i. Seorang pelanggan telah muflis dan hutangnya sebanyak RM400 dihapus kira sebagai hutang lapuk.
- ii. Pada 30 September 2021, baki Akaun Belum Terima berjumlah RM20 690 dan baki Akaun Belum Bayar bernilai RM11 710.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Kawalan Belum Terima [6 markah]
- (ii) Akaun Kawalan Belum Bayar [4 markah]

- 6 Nismilan Sdn. Bhd. sebuah kilang yang mengeluarkan Sambal Bilis Power yang beroperasi di kawasan perindustrian Senawang Park, Negeri Sembilan.

Maklumat berikut menunjukkan jumlah kos dan jumlah jualan berdasarkan pelbagai tingkat pengeluaran. Kos tetap dan harga jualan diandaikan malar.

Tahun	2020	2021
Unit Pengeluaran (unit)	64 000	66 000
Jumlah Kos (RM)	296 000	302 000
Jumlah Jualan (RM)	320 000	330 000

- (a) Anda **dikehendaki** menghitung:

- (i) Kos berubah seunit [2 markah]
 - (ii) Jumlah kos tetap [2 markah]
 - (iii) Harga jualan seunit [2 markah]
 - (iv) Titik pulang modal untuk tahun 2021 [2 markah]
 - (v) Jumlah unit pengeluaran untuk memperoleh untung sasaran RM40 000 [2 markah]
 - (vi) Titik pulang modal yang baharu jika kos tetap meningkat 10%, manakala kos berubah dan harga jualan seunit tidak berubah [2 markah]
- (b) Berdasarkan jawapan anda di 6(a)(iv), lakarkan graf titik pulang modal. [8 markah]

- KERTAS SOALAN TAMAT -